



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI PERKUKUH PEMBUDAYAAN STI MELALUI REHLAH SAINS DAN ADVOKASI NUKLEAR DI MSN ZON SELATAN

MELAKA, 10 OGOS 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Pusat Sains Negara (PSN), Planetarium Negara, Kerajaan Negeri Melaka serta Rakan MySains telah menganjurkan Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2026 Zon Selatan bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

YB Datuk Chang Lih Kang menyatakan komitmen MOSTI untuk terus menjalinkan kerjasama erat bersama pelbagai agensi demi memupuk minat STEM dalam kalangan pelajar sekolah menerusi aktiviti pembudayaan STI. Keberkesanan usaha ini terbukti menerusi lonjakan penyertaan program Rehlah Sains, yang menyaksikan pertambahan peserta daripada 8,084 orang merentasi sembilan lokasi pada tahun 2024 kepada 14,671 orang di 15 lokasi pada tahun 2025, mencatatkan kadar pertumbuhan melebihi 81 peratus. Bagi tahun 2026, MOSTI meletakkan sasaran untuk menarik seramai 15,000 peserta bagi program Rehlah Sains di seluruh negara.

Selain itu, Karnival Minggu Sains Negara Zon Selatan turut mengetengahkan Program Advokasi Nuklear dengan tema Nuklear Untuk Rakyat bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap teknologi nuklear berasaskan fakta saintifik. Melalui pameran interaktif dan aktiviti STEM, pengunjung dapat memahami aplikasi teknologi nuklear dalam kesihatan, pertanian, industri dan alam sekitar, sekaligus membentuk persepsi yang lebih tepat terhadap teknologi ini.

Sehingga Jun 2026, Agensi Nuklear Malaysia telah melaksanakan 19 Program Nuclear Education Outreach (NEO) yang melibatkan lebih 15,000 peserta, selain memperluaskan pelaksanaan program seperti Jelajah Nuklear dan Kem Rakan Nuklear kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Melalui edisi kesembilan Minggu Sains Negara (MSN) ini, MOSTI komited memperkukuh budaya sains, teknologi dan inovasi agar dapat melahirkan generasi berdaya cipta, celik teknologi dan berintegriti demi memacu Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi.

[**FOTO MAJLIS**](#)

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
10 OGOS 2026